



Semua Pelajar  
Program Prasiswazah  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

### PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI SESI AKADEMIK 2018-2019

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 Sesi Akademik 2018-2019 akan **bermula pada 1 Julai 2019**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	Pendaftaran kursus awal akan bermula <b>15 hingga 21 April 2019 (seminggu)</b> secara atas talian melalui laman web <a href="http://www.ukm.my/smpe">http://www.ukm.my/smpe</a> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
2.	Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web <a href="http://www.ukm.my/pkp">http://www.ukm.my/pkp</a> . Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus.
3.	Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini.
4.	Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN


Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel: +603-8921 4073 Faks: +603-89215 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

	<p>i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2018-2019 adalah <b>DIWAJIBKAN</b> oleh pihak fakulti;</p> <p>ii. Pelajar dibenarkan mengambil <b>TIDAK MELEBIHI DUA (2)</b> kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;</p> <p>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja (<b>8-14 Julai 2019</b>);</p> <p>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari <b>15 Julai - 4 Ogos 2019</b> dan akan diberikan gred TD;</p> <p>v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020);</p> <p>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;</p>
--	---

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En Mohd Firdaus Ibrahim di talian 03-8921 3994 atau emel kepada [mfirdaus@ukm.edu.my](mailto:mfirdaus@ukm.edu.my).

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



**PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD**  
Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program, PKP
  - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
  - Ketua Bahagian Kewangan, PKP



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel: +603-8921 4073 Faks: +603-89215 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>



**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

**TARIKH-TARIKH PENTING SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2018-2019  
PROGRAM PRASISWAZAH  
FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT**

<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>
<b>Pendaftaran Kursus Awal</b>	<b>15 hingga 21 April 2019 (1 minggu)</b>
<b>Gugur kursus sahaja</b>	<b>8 hingga 14 Julai 2019 (1 minggu)</b>
<b>Tarik Diri kursus (TD)</b>	<b>15 Julai hingga 4 Ogos 2019 (3 minggu)</b>

Bagi tujuan pendaftaran / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe>. Permohonan selepas tarikh di atas **tidak akan dipertimbangkan**.

